

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**HARI ISNIN, 05 DISEMBER 2005, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 75**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. 32-101001  
**Tuan Mohamed Yusop Bin Majid [ Setiu ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejauh manakah menurut tinjauan dan anggaran keupayaan generasi belia negara ini dari segi peratusnya mampu bersaing sebagai 'glokal' khususnya belia Bumiputera memandangkan mereka bergantung berat pada bantuan Kerajaan dan apakah usaha Kementerian untuk jadikan mereka benar-benar 'glokal'
2. 144-101158  
**Datuk Nur Jazlan Bin Mohamad [ Pulai ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bahawa dalam usaha meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris, adakah Kerajaan bercadang untuk menjadikan lulus dengan kepujian dalam Bahasa Inggeris di peringkat SPM/setaraf sebagai syarat kemasukan ke Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), sebagaimana yang diwajibkan untuk mata pelajaran Bahasa Malaysia.
3. 180-101091  
**Tuan Jawah Anak Gerang [ Lubok Antu ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan syarikat dan orang ramai yang telah diambil tindakan akibat memanipulasikan pasaran (market manipulation) sejak tahun 1997 dan langkah-langkah wajar yang diambil oleh Kerajaan supaya orang ramai tidak menganggap KLSE adalah sebuah "Casino".
4. 22-101063  
**Ir. Shaari Bin Hassan [ Tanah Merah ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah peruntukan yang disalurkan kepada Jabatan Kebajikan Negeri Kelantan sejak tahun 1990 dan apakah bentuk-bentuk bantuan yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan.

5. 167-100483  
**Tuan Raime Bin Unggi [ Tenom ]** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan program "Homestay" dapat membantu penduduk kampung di kawasan luar bandar dan berapakah bilangan kampung yang telah mendapat manfaat khususnya di Negeri Sabah.
6. 168-101140  
**Tuan Bernard S. Maraat [ Pensiangan ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan perancangan Kementerian dalam usaha membangun bekalan air luar bandar khusus graviti air dan pembangunan bekalan elektrik luar bandar dalam kawasan Parlimen Pensiangan.
7. 200-100706  
**Tuan Haji Ismail Bin Noh [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam memastikan masyarakat Orang Asli tidak ketinggalan dalam mengecapi arus perdana negara yang sedang berkembang pesat.
8. 76-100638  
**Datuk Ismail Sabri Bin Yaakob [ Bera ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian di dalam membantu hampir 150,000 pelajar yang memiliki kelayakan untuk menyambung pelajaran di Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta tetapi gagal untuk mendapat tempat tersebut dan sehingga kini berapakah jumlah yang telah berjaya memasuki IPTA/IPTS atau mengikuti program-program lain dan jika ada apakah program-program tersebut.
9. 47-100341  
**Tan Sri Dato' Hew See Tong [ Kampar ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah untuk menyediakan tapak penternakan berkelompok kepada penternak tempatan di negara ini agar ternakan mereka tidak berkeliaran di merata tempat.
10. 203-100902  
**Datin Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail [ Permatang Pauh ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-
  - (a) tindakan yang diambil bagi mengurangkan tahap bahaya penyakit di tempat kerja terutamanya bagi pekerjaan yang berkaitan dengan bahan kimia; dan
  - (b) apakah penyakit berbahaya yang dikenal pasti membabitkan bahan kimia tersebut.

11. 92-100343  
**Datuk Dr. Rahman Bin Ismail [ Gombak ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:-
- (a) berapa ramaikah rakyat Malaysia yang pakar di dalam berbagai bidang perubatan dan penyelidikan perubatan yang bertugas di luar negara; dan
  - (b) adakah usaha-usaha membawa mereka pulang ke tanah air berjaya.
12. 91-100609  
**Tuan Mohd. Daud Bin Haji Tarihep [ Kuala Selangor ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada Kementerian bercadang memasang lampu di kiri dan kanan jalan-jalan Persekutuan bagi kesesuaian pengguna-pengguna jalan raya dan mengelakkan berlakunya kemalangan jalan raya.
13. 33-100323  
**Tuan Che Azmi Bin Haji Abdul Rahman [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kenapa Kerajaan tidak mengadakan peruntukan tahunan kepada dana-dana usahawan yang diwujudkan melalui Kementerian-kementerian tertentu bagi membantu usahawan bumiputera seperti TEKUN dan sebagainya. Adakah Kerajaan menyediakan peruntukan tahunan membiayai perbelanjaan pengurusan dana-dana tersebut.
14. 219-101048  
**Tuan Chong Chieng Jen [ Bandar Kuching ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah bentuk rancangan untuk mengurangkan jurang ekonomi di kalangan Bumiputera suku kaum di Sabah dan Sarawak dengan kaum Melayu di Semenanjung Malaysia. Apakah pegangan ekuiti ekonomi suku kaum ini jika berbanding dengan kaum Melayu. Sila beri pecahannya mengikut suku kaum.
15. 149-100731  
**Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh Bin Tun Said [ Kota Belud ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada tugas Kementerian merangkumi bidang pengilangan dan pembuatan makanan. Sekiranya ini berlaku, tidakkah terdapat pertindihan tugas antara Kementerian ini dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

16. 218-100457  
**Tuan Chong Hon Min [ Sandakan ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah bilangan dan nilai projek hospital Kerajaan yang baru serta dalam kerja pembesaran tidak dapat disiapkan dalam jangka masa yang ditetapkan mengikut negeri dan sebab-sebab kerja pembesaran Hospital Duchess of Kent, Sandakan yang seharusnya siap dibina pada tahun 2003 tetapi masih belum disiapkan.
17. 50-100220  
**Datuk Wilfred Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan daripada 742 orang Bumiputera Sabah yang dilaporkan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan Negeri Sabah, berapa orangkah daripada suku bangsa Kadazandusun Murut, Melayu Brunei, Bajau, Orang Sungai dan sebagainya.
18. 199-100746  
**Dato' Kamarudin Bin Jaffar [ Tumpat ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang menyediakan program tenaga alternatif dalam RMK-9 melalui pembangunan tenaga nuklear, teknologi paling efisien terkini bagi tujuan keamanan dan menangani cabaran globalisasi dan krisis tenaga akibat daripada kekurangan rezab minyak dan gas.
19. 11-100966  
**Dato' Haji Ghazali Bin Ibrahim [ Padang Terap ]** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan sejauh manakah kawalan terhadap stesen radio dan televisyen swasta dalam menentukan rancangan mereka. Berapakah peratus peruntukan rancangan televisyen untuk stesen radio dan televisyen swasta khusus bagi bidang-bidang keagamaan, kekeluargaan, hiburan, belia dan sukan.
20. 89-101318  
**Datuk Haji Mat Yasir Bin Haji Ikhsan [ Sabak Bernam ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada pembinaan jambatan yang merentasi Sungai Bernam antara Parit Empat Bagan Datok, Perak dengan Sungai Air Tawar, Selangor akan dimasukkan dalam peruntukan RMK-9 bagi membangunkan ekonomi kawasan luar bandar.
21. 217-100357  
**Tuan Kula Segaran A/L Murugeson [ Ipoh Barat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa tiada pendakwaan terhadap anggota-anggota polis oleh Peguam Negara Malaysia bersabit dengan kes-kes kematian dalam tahanan polis, menembak mati orang awam dan lain-lain jenayah yang dilakukan oleh anggota polis.

22. 213-101188  
**Dato' Abdul Halim Bin Abdul Rahman [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan berapakah kes yang telah diambil tindakan oleh JAS atas kesalahan melakukan pencemaran dan kemusnahan alam sekitar mengikut negeri-negeri. Apakah usaha Kerajaan dalam memberi kesedaran kepada masyarakat betapa pentingnya menjaga alam sekitar.
23. 214-101216  
**Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kemungkinan kos yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan mengikut lebuhraya yang terlibat sekiranya mengambil alih semua lebuhraya bertol di seluruh negara.
24. 4-101259  
**Dato' Abu Bakar Bin Taib [ Langkawi ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah pinjaman 3 F (Fund For Food) yang diluluskan mengikut sektor dan tahun bermula dari dilaksanakan hingga kini.
25. 210-101171  
**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-
- (a) apakah langkah-langkah yang Kerajaan ambil untuk memastikan semangat dan prinsip Perlembagaan Persekutuan berhubung kebebasan agama, hak asasi kemanusiaan, hak persamaan sesama warganegara, pendidikan bahasa ibunda, amalan demokrasi berparlimen, kebebasan kehakiman, pilihan raya yang adil dan saksama dijunjung dan dihormati; dan
  - (b) cara-cara mendidik rakyat memahami dan melindungi semua aspek hak perlembagaan mereka.

**PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT  
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN  
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA**

1. **Jabatan Perdana Menteri**

\* Rang Undang-undang Timbang Tara 2005

---

\* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

## ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Menyambung semula pertimbangan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2006 (D.R. 23/2005) Dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2006 seperti berikut:**

“ Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada tiga puluh lima bilion lima ratus dua juta empat puluh empat ribu enam ratus ringgit (RM35,502,044,600) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2006, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Bajet Persekutuan 2006, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 21 Tahun 2005, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut hendaklah disahkan. “

### **Dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.**

- |    |                |   |                               |
|----|----------------|---|-------------------------------|
| 2. | (D.R. 25/2005) | Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2005                | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
| 3. | (D.R. 26/2005) | Rang Undang-undang Makanan (Pindaan) 2005                     | “                             |
| 4. | (D.R. 27/2005) | Rang Undang-undang Kewangan 2005                              | “                             |
| 5. | (D.R. 29/2005) | Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005                    | “                             |
| 6. | (D.R. 28/2005) | Rang Undang-undang Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 2005 | “                             |

7. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah Seksyen 5 Akta Persatuan Pembangunan Antarabangsa 1960, mengambil ketetapan bersetuju supaya Malaysia membuat sumbangan Dana Tambahan Keempat Belas kepada Persatuan Pembangunan Antarabangsa (IDA 14) sebanyak USD64,300 (RM244,340) dan caruman kepada *Interim Trust Fund (ITF)* sebanyak USD11,496.05 (RM43,685). “

8. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan subperenggan 8(3)(a)(iv) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], mengambil ketetapan bersetuju supaya Kerajaan menukarkan pinjaman Kerajaan Persekutuan sebanyak RM50 juta kepada Malaysian Venture Capital Management Berhad (MAVCAP), suatu syarikat yang dimiliki oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) kepada ekuiti”.

9. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** akan mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan 81(1), Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat mengambil ketetapan yang berikut:

“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan bahawa:

- (a) Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Integriti ditubuhkan bagi membincangkan isu-isu pengukuhan nilai, etika dan integriti di kalangan masyarakat berlandaskan pelaksanaan Pelan Integriti Nasional;
- (b) Jawatankuasa Pilihan tersebut hendaklah terdiri daripada anggota-anggota yang berikut:
  - (i) Y.B. Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Menteri di Jabatan Perdana Menteri) sebagai Pengerusi;
  - (ii) Y.B. Tuan Lim Kit Siang (DAP Ipoh Timur);
  - (iii) Y.B. Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (BN Gerik);
  - (iv) Y.B. Puan Rosnah binti Abdul Rashid Shirlin (BN Papar);
  - (v) Y.B. Tuan Teng Boon Soon (BN Tebrau);
  - (vi) Y.B. Dr. James Dawos Mamit (BN Mambong);
  - (vii) Y.B. Tuan Devamany a/l Krishnasamy (BN Cameron Highlands);

- (viii) Y.B. Puan Tan Lian Hoe  
(BN Bukit Gantang);
- (ix) Y.B. Datuk Richard Riot anak Jaem  
(BN Serian);
- (x) Y.B. Tuan Eric Enchin Majimbun  
(BN Sepanggar);
- (xi) Y.B. Ir. Edmund Chong Ket Wah  
(BN Batu Sapi); dan
- (xii) Y.B. Dato' Hj. Ab. Halim bin Ab. Rahman  
(PAS Pengkalan Chepa).

Jika Pengerusi tidak dapat hadir dalam sesuatu Mesyuarat, Jawatankuasa itu boleh memilih seorang Pengerusi dari kalangan Anggota-anggota Jawatankuasa yang hadir yang akan memegang jawatannya hanya pada hari ia dipilih itu sahaja;

- (c) Tempoh masa pelantikan Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut selama dua tahun;
- (d) Jawatankuasa Pemilihan tersebut hendaklah mengkaji perkara-perkara berikut:
  - (i) meneliti dan membincangkan isu-isu etika dan integriti di kalangan masyarakat dan Ahli-ahli Majlis;
  - (ii) merancang dan melaksanakan pelan tindakan integriti berdasarkan Pelan Integriti Nasional terutamanya sasaran utama TEKAD 2008;
  - (iii) mencadangkan penambahbaikan program dan aktiviti pelaksanaan Pelan Integriti Nasional yang mempunyai kaitan dan impak terhadap kesejahteraan sosial masyarakat dan negara, khususnya ke arah pencapaian cabaran keempat Wawasan 2020;
  - (iv) mengkaji dan meneliti akta-akta dan peraturan yang berkaitan dengan usaha pengukuhan nilai, etika dan integriti dan membincangkan pandangan serta syor yang berkaitan oleh pihak awam;

- (v) mengemukakan cadangan dan perakuan perubahan dasar, semakan dan pindaan akta-akta dan peraturan tertentu kepada Parlimen untuk diperhalusi, dipertimbangkan dan diluluskan, serta diambil tindakan oleh pihak-pihak yang berkaitan; dan
  - (vi) meneliti dan melaksanakan strategi dan agenda integriti yang telah digariskan dalam Pelan Integriti Nasional untuk institusi politik.
- (e) Jawatankuasa Pilihan Khas tersebut hendaklah menyiapkan dan membentangkan laporan itu serta syor-syor berkaitan diserahkan kepada Majlis untuk dipersetujukan atau mengikut apa cara yang diperintahkan oleh Majlis”.

10. 173-100067

**Datuk Dr. Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar [ Santubong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyedari ada fakta-fakta yang tertentu menunjukkan bahawa kemasukan pelajar-pelajar lelaki ke Institusi Pengajian Tinggi menurun dari tahun ke tahun. Dalam masa yang sama graduan wanita yang banyak keluar dari universiti telah menjana kepada jumlah yang terbesar dari siswazah yang menganggur.

Dalam keadaan yang pertama Kerajaan tidak mempunyai satu jawapan untuk menyelesaikan masalah agar perimbangan kemasukan pelajar lelaki dan wanita ke institusi pengajian tinggi dengan tidak menjejaskan dasar meritokrasi yang ada. Dalam situasi yang kedua Kerajaan mengambil jalan mudah untuk memuas citarasa konsisten dengan program yang membazirkan.

Dewan ini digesa untuk membuat satu ketetapan untuk mendorong Kerajaan agar digubalkan satu dasar yang komprehensif berpatutan untuk jangka panjang yang boleh menghasilkan semua jantina, graduan dan Kerajaan dalam jangka masa yang singkat ini."

11. 150-100229

**Datuk Wilfred Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mendesak Kerajaan menyusun semula Organisasi FAMA negeri Sabah dengan memberi peruntukan yang besar dan mencukupi dalam RMK-9 untuk membiayai program-program pemasaran yang melibatkan komoditi hasil pertanian luar bandar sama ada sebagai bahan mentah ataupun diproses yang beroperasi dan yang mempunyai pasaran domestik, nasional dan antarabangsa dan

seterusnya melipat gandakan bilangan kakitangan FAMA negeri Sabah daripada yang ada sekarang untuk mengurus program-program pemasaran yang strategik dan kritikal termasuklah menjalankan MARKET RESEARCH AND SURVEY seterusnya memastikan supaya FAMA dapat beroperasi di setiap daerah di Sabah dengan kakitangan yang mencukupi.

12. 162-100463

**Tuan Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan untuk menyekat peniaga-peniaga atau penjaja-penjaja terdiri daripada orang asing yang bukan sahaja mengambil keuntungan yang berlipat ganda tetapi bersaing serta membantutkan perniagaan rakyat tempatan. Dan Dewan ini mengambil perhatian serta memberi bantuan sokongan yang sewajarnya kepada peniaga tempatan untuk bergiat maju dalam bidang ini."

13. 208-100197

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu kawasan tanah perkuburan Cina di Jalan Lapangan Terbang Lama, Kuala Lumpur diwartakan sebahagian tapak warisan bersejarah dan seterusnya dibangunkan sebagai satu destinasi pelancongan Negara dengan disediakan berbagai kemudahan awam.

14. 173-100065

**Datuk Dr. Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar [ Santubong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyedari tuntutan agama, budaya dan kontrak sosial menarik pelbagai hala mirip kepada kepentingan kelompok-kelompok yang tertentu. Dalam episod itu bangkit pejuang-pejuang (champions) yang mempunyai agenda politik, sosial dan peribadi untuk kepentingan sendiri, kelompok dan kumpulan yang diwakilinya.

Demi kemujaraban bersama dan kepentingan politik semasa "trade-off" yang nampaknya sebagai mengenyepikan program perpaduan jangka panjang berlaku. Ada unsur-unsur yang menunjukkan bahawa Pejuang-pejuang (champions) ini kurang minat untuk "berkorban" dan bertolak ansur demi perpaduan dan negara.

Dewan ini digesa agar Kerajaan bersikap tegas dan jangan berkompromi atas sebab jangka pendek untuk kemakmuran, perpaduan dan keharmonian negara jangka panjang."

15. 208-100198  
**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan mengambil maklum bahawa peruntukan tahunan yang disediakan bagi Ahli Parlimen termasuk Wilayah Persekutuan tidak diagihkan kepada Ahli-Ahli Parlimen dari parti pembangkang sebaliknya digunakan sepenuhnya oleh wakil rakyat Barisan Nasional dan bagi kawasan yang tiada wakil rakyat BN. Peruntukan diagihkan sesama parti komponen BN dalam sesebuah bahagian dan kebanyakannya tidak sampai ke tangan para penduduk dan pengundi dan Dewan ini bersetuju Kerajaan mengagihkan peruntukan berkenaan kepada wakil-wakil rakyat pembangkang.

16. 150-100227  
**Datuk Wilfred Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas Pembangunan Wilayah yang akan mengkaji dan menilai tahap pembangunan ekonomi dan sosial Sabah dan Sarawak serta negeri-negeri kurang maju berbanding dengan negeri-negeri maju. Perhatian khusus akan diberikan kepada kajian keberkesanan pelaksanaan dasar-dasar, strategi-strategi, program-program dan sistem penyampaian Kerajaan yang melibatkan Kementerian, Jabatan dan Agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Perhubungan jentera Perkhidmatan Awam Persekutuan dengan Perkhidmatan Awam Negeri akan diberi tumpuan terutama sekali perundangan-perundangan dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan pelaksanaan program dan projek pembangunan di negara ini.

17. 209-101271  
**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan pilihan raya Kerajaan tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan tempatan di negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak kepada rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan Ahli Majlis Kerajaan Tempatan."

18. 150-100239  
**Datuk Wilfred Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan meminta Kerajaan mengkaji sejauh mana keberkesanan strategi-strategi dan program-program di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB) khususnya terhadap dasar pencapaian 30% ekuiti Bumiputera di sektor korporat dan juga bagaimana DEB memastikan agar pengagihan di antara pelbagai komuniti bumiputera terutama sekali jurang perbezaan pemilikan ekuiti di antara orang Melayu di Semenanjung dengan Bumiputera Minoriti di Sabah dan Sarawak dapat

dirapatkan. Kajian ini juga akan meneliti sama ada wajar atau tidak diwujudkan satu Kementerian mengawal selia pelaksanaan dasar-dasar, strategi-strategi dan program Kerajaan untuk meningkatkan ekuiti Bumiputera Minoriti Sabah dan Sarawak seperti yang diperakui dalam OPP3. Tumpuan khusus hendaklah diberikan kepada soal keberkesanan pelaksanaan Teras Pembangunan yang disebut dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (OPP3)."

19. 209-101269

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan stesyen televisyen untuk mengadakan siaran langsung sidang Dewan Rakyat supaya rakyat boleh mengetahui ucapan Ahli Parlimen dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang."

20. 168-101178

**Tuan Bernard S. Maraat [ Pensiangan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini prihatin dan hendaklah mengambil tindakan yang serius dan tegas bahawa Kemerdekaan 48 tahun dan pencapaian negara yang termaju dalam agenda Wawasan 2020 itu tidak akan membawa makna selagi sebilangan besar kanak-kanak di negara Malaysia khusus kanak-kanak yang tinggal di rumah-rumah panjang dalam kawasan Parlimen Pensiangan tidak diberi peluang pendidikan asas iaitu pra sekolah atau pun taska, disebabkan faktor kemiskinan, sistem perhubungan yang tidak memuaskan, faktor tenaga pendidik dan faktor infrastruktur dan fasiliti.

Dewan ini harus memberi persetujuan dan sokongan untuk mendapatkan peruntukan kewangan yang kukuh untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti tersebut. Kanak-kanak di pedalaman juga dahagakan kecemerlangan dan seterusnya menjadi warga negara yang terbilang.

Dewan ini harus memahami bahawasanya negara hendakkan warga negaranya gemilang, bertaraf dunia, namun idaman ini tidak akan tercapai selagi pengagihan pembangunan pendidikan itu tidak seimbang dan sekali gus merenggangkan lagi jurang perbezaan di antara mereka yang tinggal di bandar yang cukup dengan serba serbi kemudahan moden dan pada mereka yang duduk di pedalaman yang langsung tidak mempunyai sebarang kemudahan. Justeru itu Dewan ini harus menyokong dan menggesa Kerajaan melalui agensinya iaitu Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat harus diberi peruntukan yang mencukupi untuk melaksanakan projek ini."

21. 150-100228

**Datuk Wilfred Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menerima hakikat bahawa pewaris kepada Kesultanan Sulu daripada negara Republik Filipina telah secara terbuka menyatakan hasratnya untuk membawa kes tuntutan negara Filipina ke atas Sabah ke Mahkamah Dunia ataupun "International Court of Justice (ICJ) suatu ketika dulu.

Dan mengambil iktibar tentang kehadiran lebih 60,000 orang perlarian Filipina di Sabah sejak tahun 1972 hingga sekarang ataupun berada di Sabah lebih 30 tahun yang dibolehkan tinggal di Sabah dengan pemberian dokumen IMM13 oleh Kerajaan.

Dan mengambil iktibar daripada bebanan pentadbiran (yang melibatkan kewangan dan tenaga manusia yang dipikul oleh Jabatan Imigresen dan petugas Khas Persekutuan) dalam pemberian dokumen IMM13 setiap tahun.

Dan mengambil iktibar dengan masalah serta gejala sosial seperti penagihan dan pengedaran syabu, kes rogol, kes ragut, pembunuhan dan kes penempatan perlarian Filipina menjadi tempat pembiakan penyakit berjangkit, masalah ekonomi dan politik akibat kehadiran mereka di Sabah.

Maka Dewan ini membuat ketetapan menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Pelbagai Parti untuk mencari penyelesaian muktamad masa depan pelarian Filipina di Sabah."

22. 168-101187

**Tuan Bernard S. Maraat [ Pensiangan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini prihatin terhadap pencemaran sungai, pemusnahan alam sekitar, kepupusan tumbuh-tumbuhan yang tidak terbanding nilainya dan pemusnahan tadahan air di Sook dan Nabawan dalam kawasan Parlimen Pensiangan menjejaskan kesejahteraan rakyat disebabkan pembalakan yang berleluasa dan tidak bertanggungjawab, impak pembalakan yang tidak terkawal menyebabkan suhu bertukar, pencemaran udara, karbon dioksida meningkat dan "depletion of the ozone layer" dan gangguan sistem ekoloji hutan rimba, memberi kesan yang buruk terhadap rakyat. Dewan ini mengambil serius dan menggesa Kerajaan bertindak terhadap pembalakan-pembalakan yang tidak mengikut piawaian pembalakan yang telah ditetapkan.

23. 217-100372  
**Tuan Kula Segaran A/L Murugeson [ Ipoh Barat ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa keputusan Kerajaan untuk menarik balik pengiktirafan ijazah perubatan dari Crimea State Medical University (C.S.M.U) bagi pelajar yang akan mula melanjutkan ijazah perubatan mulai 1-1-2006 dibatalkan dan ijazah perubatan Universiti tersebut diiktiraf seperti sedia kala.

24. 162-100461  
**Tuan Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil perhatian serius terhadap pencemaran udara dan alam sekitar seperti sungai-sungai yang mengalir ke laut sehingga membawa kemudaratan kepada semua tumbuhan dan hidupan alam. Justeru, menekankan di kalangan ahli-ahli keluarga untuk menggembeling tenaga bagi mempertingkatkan sikap dan tabiat semangat kekitaan. Maka Dewan ini digesa supaya murid-murid sekolah seharusnya dididik dan disemai untuk menyintai diri dan sayangkan persekitaran agar mereka tidak akan segan silu untuk menegur salah laku sesama sendiri kerana perbuatan yang baik akan dicontohi dan menjadi teladan kepada masyarakat umum."

25. 150-100233  
**Datuk Wilfred Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan meminta PETRONAS membuat pelaburan di pelbagai sektor di Sabah sejajar dengan kedudukan Sabah sebagai salah satu daripada pengeluar minyak petroleum negara. Pelaburan yang dimaksudkan termasuklah industri hiliran minyak petroleum dan gas, bidang pelancongan, pembangunan hartanah, pembangunan pendidikan untuk membantu menjana pertumbuhan ekonomi negeri Sabah yang mampan ke arah mencapai status negeri maju bagi Sabah sejajar dengan Wawasan 2020. Dewan ini juga harus membuat perakuan bahawa adalah tidak munasabah bagi negara Malaysia melihat negeri Sabah terus menerus menjadi negeri yang mempunyai kadar kemiskinan yang tertinggi sedangkan Sabah adalah salah satu daripada pengeluar minyak petroleum, negara yang telah banyak memberi sumbangan kepada kekayaan negara."

26. 209-101277

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mendesak Kerajaan untuk memberi kebebasan dari segi pentadbiran dan kewangan Parlimen sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama."

27. 168-101183

**Tuan Bernard S. Maraat [ Pensiangan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini prihatin dan harus mengambil ketetapan bahawa kedaulatan dan martabat negara dijaga dan dipelihara sepanjang masa. Keadaan di "Pintu Masuk" (Check Point) Indonesia - Malaysia di Bantul, Mukim Pagalungan, kawasan Parlimen Pensiangan adalah dalam keadaan yang tergugat di mana pintu masuk adalah terlalu longgar dan ini akan memberi kesan yang buruk dan sekali gus menggugat kestabilan, keamanan dan keharmonian negara.

Ketiadaan prasarana dan kemudahan seperti bot-bot ronda, sistem komunikasi yang terkini bilangan anggota polis, Kastam Dan Imigresen yang tidak mencukupi di Bantul menyebabkan pintu masuk ini dicerobohi oleh warga asing khusus warga Indonesia kini menggunakan pintu ini dengan senang dan bebas hasil dari risikan dan tinjauan pintu masuk ini kini aktiviti-aktiviti penyeludupan manusia tanpa dokumen sah, dadah, senjata dan barangan komersial berleluasa.

Dewan ini digesa agar Kerajaan tidak bertolak ansur tetapi mengambil ketetapan serius dan memberi sokongan pada dalam usaha menangani masalah ini. Kementerian Keselamatan Dalam Negeri yang bertanggungjawab perlu diberi peruntukan secukupnya untuk melaksanakan aktiviti tersebut dengan kadar segera."

28. 150-100256

**Datuk Wilfred Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini amat prihatin dengan keupayaan institusi-institusi penggerak pembangunan di peringkat kampung seperti Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) dan sistem Ketua Kampung.

Dan Dewan ini hendaklah mendesak Kerajaan supaya mengambil langkah-langkah yang bersesuaian supaya institusi JKKK dan Ketua Kampung dipertingkatkan keupayaannya sebagai rakan kongsi Kerajaan untuk menyediakan pelan pembangunan di peringkat akar umbi khususnya di peringkat kampung untuk menjamin agar setiap kampung di

negara ini mencapai status kampung maju pada tahun 2020. Pada masa yang sama Kerajaan harus menetapkan sasaran bilakah setiap kampung dan rumah panjang di seluruh negara akan diberikan jalan raya berturap, bekalan air bersih, bekalan elektrik, kemudahan sekolah, klinik, telefon dan kemudahan internet (IT)."

29. 208-100199

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum supaya ketidakseragaman undang-undang Islam yang berkuatkuasa secara berasingan di setiap negeri dalam Persekutuan diselaraskan dan digabungkan bagi dikuatkuasakan di peringkat Persekutuan bagi memudahkan urusan pentadbirannya ke atas orang-orang Islam.

30. 207-101336

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini hendak memperbincangkan cadangan bagi Kerajaan untuk memperuntukkan sekurang-kurangnya RM500 juta untuk pesara-pesara yang tidak mempunyai pendapatan bulanan. Satu ujian kelayakan pesara mestilah diadakan. Bahawa Dewan ini juga mahu membahaskan keperluan bagi Kerajaan untuk menyiasat bilangan pesara tersebut di negara serta sistem keselamatan yang sesuai untuk Malaysia."

31. 168-101197

**Tuan Bernard S. Maraat [ Pensiangan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa sistem penghantaran melalui SMS - 'short messages service' telah menjejaskan ketenteraman rakyat dengan penghantaran mesej-mesej yang keterlaluan sehingga menyentuh hak peribadi individu. Sekiranya penghantaran melalui SMS tidak dikawal mulai sekarang ia akan menjejaskan bukan sahaja individu malahan keselamatan dan keharmonian negara. Dewan ini meminta Kerajaan agar bertindak positif dan tegas untuk mendaftar jenis-jenis kad "Pre Paid" dan "Post Paid".

32. 150-100244

**Datuk Wilfred Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil berat terhadap kewujudan "warganegara terbang" di negeri Sabah yang telah wujud akibat kelemahan dalam sistem pendokumentasian kewarganegaraan di negara ini dan juga kewujudan sindiket yang melibatkan kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara dan juga individu daripada luar yang telah mengambil kesempatan mengaut keuntungan memberi dokumen-dokumen kewarganegaraan

kepada orang-orang asing yang tidak layak mendapatkan kewarganegaraan. Sehubungan dengan itu Dewan ini juga bersetuju supaya Kerajaan menubuhkan suatu Suruhanjaya Diraja untuk mengkaji bagaimana pendokumentasian kewarganegaraan dapat diperbaiki sehinggalah setanding dengan sistem yang diamalkan di negara-negara maju."

33. 173-100066

**Datuk Dr. Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar [ Santubong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyedari gejala sosial di kalangan belia di negara ini masih menular. Tindakan Kerajaan telah mendorong Kementerian Belia dan Sukan memperkasakan agenda sukan daripada memberi tekanan kepada pembelaan nasib dan pembangunan belia. Pendekatan Kementerian Belia dan Sukan kepada pembangunan dan pembelaan belia juga tidak teratur dan sistematik. Perimbangan pembangunan prasarana dan perisian juga kurang betul dan tepat.

Dewan yang mulia ini digesa untuk mengambil ketetapan agar dasar belia negara dikaji semula dan pelaksanaan dasar tersebut diberi nafas baru yang lebih dinamik dan berkesan.

34. 168-101194

**Tuan Bernard S. Maraat [ Pensiangan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini prihatin dan mengambil ketetapan bahawa Kementerian Penerangan Malaysia mengambil langkah positif dan bijak untuk membendung gejala budaya VHS: Violent, Horror dan Sex (Ganas, Seram dan Seks) yang keterlaluan memberi kesan negatif terhadap rakyat khusus anak-anak Malaysia. Kesan "VHS" menjejaskan pembangunan inteligensia emosi, fizikal dan rohani. Dewan ini juga menggesa Kementerian Penerangan mengambil peranan utama agar stesen-stesen TV swasta di negara ini bersama-sama memikirkan penggubalan dasar mengenai filem-filem yang disiarkan tidak melampaui batasan.

35. 150-100250

**Datuk Wilfred Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memandang serius terhadap kualiti pendidikan yang diberikan kepada para pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Awam yang dikatakan semakin menurun sekali gus mengakibatkan "unemployability" graduan kita. Keadaan ini boleh menjadi satu masalah sosial yang amat merugikan dan membebankan rakyat dan Kerajaan jika sekiranya tidak ditangani. Di samping itu jika sekiranya soal kualiti pendidikan itu tidak ditangani dengan baik maka hasrat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan akan terjejas."

36. 208-100200  
**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Perlembagaan Persekutuan disemak semula menerusi penubuhan sebuah Suruhanjaya semasa negara Malaysia mencapai ulang tahun ke 50 yang akan datang (pada tahun 2007) bagi mengenal pasti kelemahan dan memperbetulkannya atas rekomendasi kepada Kerajaan bagi melahirkan sebuah negara bangsa Malaysia yang bersepadu, harmoni dan adil sesuai dengan tuntutan masa kini.

37. 150-100253  
**Datuk Wilfred Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memandang serius terhadap kewujudan begitu banyak kampung-kampung di negeri Sabah yang belum lagi mendapat kemudahan asas terutama sekali bekalan elektrik, bekalan air bersih dan jalan kampung serta prasarana sekolah rendah yang serba daif dan kekurangan termasuklah ketidak wujudan kemudahan tadika setelah lebih 40 tahun merdeka melalui pembentukan Persekutuan Malaysia. Dewan ini juga memperakui bahawa keadilan sosial harus ditegakkan dengan segera dengan memberi peruntukan kewangan yang mencukupi dan melaksanakan peruntukan pembangunan luar bandar dengan penuh berhemah.

38. 162-100467  
**Tuan Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menggesa supaya Kerajaan mengambil serius terhadap sistem pendaftaran Sijil Kelahiran serta pengeluaran Kad Pengenalan agar kakitangan Kerajaan tidak ditipu oleh orang-orang yang tidak mempunyai semangat patriotisme. Dan Dewan ini mengambil ketetapan supaya penjenayah-penjenayah wajar dikenakan tindakan serta hukuman yang berat demi kedaulatan negara."

39. 163-101352  
**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa majoriti di kalangan rakyat tempatan yang tidak mempunyai rumah adalah di kalangan mereka yang tidak mempunyai tanah.

Dan mengambil maklum bahawa mereka juga tidak mempunyai pendapatan yang tetap kerana kebanyakan mereka ini terdiri daripada petani, nelayan dan penjaja. Oleh kerana itu, kebanyakan mereka tidak mendapat kemudahan pinjaman bank untuk membeli rumah kos rendah sama ada yang disediakan oleh agensi Kerajaan mahu pun sektor swasta.

Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk membenarkan supaya kemudahan pinjaman di bawah skim rumah mesra rakyat dapat dipanjangkan kepada mereka, untuk membeli rumah kos rendah di mana rumah yang bakal dibeli itu juga boleh dicagarkan kepada SPNB."

40. 207-101335

**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memperbahaskan langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk memastikan tidak wujudnya jerebu di Malaysia, sama ada dari negara-negara jiran seperti Indonesia atau pembakaran di dalam negara. Bahawa kita hendaklah mengetahui faktor-faktor yang menyebabkan jerebu terus berlaku bertahun-tahun."

41. 217-100370

**Tuan Kula Segaran A/L Murugeson [ Ipoh Barat ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengarahkan Kerajaan menolong pencapaian keamanan di antara LTTE dan Kerajaan Sri Lanka dengan segera".

42. 208-100201

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini bersetuju Kerajaan menetapkan dasar dan pelaksanaan supaya mana-mana korporat dan syarikat-syarikat besar yang berjaya untuk mengadakan program latihan bagi melatih syarikat-syarikat kecil sehingga berjaya dan atas daya usaha itu Kerajaan boleh memberikan insentif, pengecualian cukai dan sebagainya kepada syarikat besar dan korporat itu dengan harapan syarikat kecil yang mereka latih itu akan maju lebih cepat dan bersaing dalam pasaran.

43. 209-101273

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mendesak Kerajaan untuk melaksanakan kempen kitar-semula dan kempen pengurangan penggunaan plastik dengan lebih gigih demi memelihara kebersihan alam sekitar."

44. **Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini merujuk YB Ahli Parlimen untuk Kuala Kangsar dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YB Rafidah Aziz kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan untuk menyiasat sama ada terdapat pencabulan hak keistimewaan dalam jawapan bertulis beliau kepada YB Ketua Pembangkang dan Ahli Parlimen untuk Ipoh Timur Lim Kit Siang pada 20hb September 2005 apabila menjawab soalan berkenaan dengan ‘penyelewengan dalam pengeluaran AP untuk mengimport kereta, sebab-sebab peningkatan bilangan AP secara mendadak pada tahun 2004 dan 2005 berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya, dan pengumuman senarai AP yang penuh sejak tahun 1987 termasuk AP untuk individu’, untuk sebab-sebab di bawah:

- Sebab secara pilih-memilih (selectivity) hanya memberi senarai AP untuk Ahli-ahli Parlimen dan bekas Ahli-ahli Parlimen yang diberi AP dari tahun 2000 hingga September 2005 apabila saya ada meminta tiga senarai penuh pemegang-pemegang AP, iaitu AP Individu, AP Terbuka dan AP Franchise yang dikeluarkan setiap tahun bermula tahun 1978.
- Mengapakah senarai Ahli-ahli Parlimen yang diberi AP diumumkan hanya bermula dari tahun 2000 dan bukan tahun 1997 apabila setiap Ahli Parlimen diberi satu AP bermula tahun itu.
- Mengapakah senarai AP Individu yang dikeluarkan dari tahun 2000 hingga September 2005 hanya dihadkan kepada Ahli-ahli Parlimen yang mana ia hanya merupakan lapan peratus daripada sejumlah 4,500 AP individu yang dikeluarkan pada masa itu.
- Mengapakah senarai itu mengandungi maklumat palsu, misalnya Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Zulhasnan Rafique yang tersenarai di Bil. 158 sebagai telah diberi satu AP pada 2002 tetapi ini tidak diakui oleh beliau pada Utusan Malaysia hari ini dengan menyatakan bahawa beliau tidak pernah memohon dan menerima surat mengatakan beliau menerima AP sejak menjadi Ahli Parlimen dan Timbalan Menteri.
- Mengapakah enam orang Ahli Parlimen dalam senarai itu mempunyai dua AP sedangkan setiap orang Ahli Parlimen hanya dibenarkan satu AP seumur hidupnya, iaitu
  1. Yew Teong Look - Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan [89 dan 94 untuk 2001]
  2. Bekas Senator Udam @ George Adam Talek [146 dan 175] – 2002

3. Bekas Senator Nosimah binti Hashim [29 dan 258] – 2000, 2004
  4. Senator Safinah binti Jusoh [76 dan 274] – 2001, 2005
  5. Senator Siti Zailah bt Mohd Yusof [79 dan 238] – 2001, 2004
  6. Senator Abdul Karim bin Abdul Ghani [44 dan 243] – 2000, 2004
- Sama ada pengumuman secara selektif pemegang AP yang hanya dihadkan kepada Ahli-ahli Parlimen dari tahun 2000 ke September 2005 adalah bermaksud untuk mengalih perhatian terhadap skandal AP, atau malahan lebih serius sebagaimana yang dirasai oleh Ahli-ahli Parlimen BN dan dilaporkan dalam satu laporan akhbar di Star hari ini dalam satu artikel 'MPs want Rafidah to personally address AP issue' oleh Joceline Tan yang melaporkan bahawa sesetengah Ahli-ahli Parlimen BN 'thought that Miti's release of the list was meant as a slap in their faces, a sort of reminder that they have also benefited from the system and should think twice before pointing fingers at Miti' – yang mana ini adalah satu pencabulan hak keistimewaan Parlimen yang serius dalam arm-twisting dan mengugut Ahli-ahli Parlimen daripada menunaikan tanggungjawab Parlimen mereka untuk memastikan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri mengikut prinsip akauntabiliti khususnya apabila beliau sudah menjadi seorang Menteri yang sudah infamous kerana tidak rela untuk menghadiri sidang Parlimen untuk menghormati prinsip tanggungjawab Eksekutif kepada Parlimen."

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

<b><u>TAHUN 2005</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
CMD.40	Laporan Tahunan Suruhanjaya Pasukan Polis Bagi Tahun 2004	5 Disember 2005
ST.203	Laporan Tahunan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Bagi Tahun 2002	5 Disember 2005
ST. 210	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Bernama Bagi Tahun 2004	5 Disember 2005